

PANDUAN TEKNIKAL

PANDUAN UNTUK PERMOHONAN LESEN KELAS H BAGI MENJADI AGENSI PERUNDING PERLINDUNGAN SINARAN



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888

Fax: 03-8922 3685

Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

KANDUNGAN**Muka Surat**

A.	Skop	3
B.	Aktiviti Lesen	3
C.	Syarat-syarat Am untuk Permohonan Lesen Kelas H bagi Menjadi Agensi Perunding Perlindungan Sinaran	3
D.	Perlantikan Pengendali Perunding	4
E.	Permohonan	4

PANDUAN UNTUK PERMOHONAN LESEN KELAS H BAGI MENJADI AGENSI PERUNDING PERLINDUNGAN SINARAN

A. SKOP

1. Dokumen ini disediakan adalah untuk memberi panduan kepada agensi yang ingin menjadi Syarikat Perunding bagi memberi perkhidmatan sebagai Pengendali Perunding (PP) Perlindungan Sinaran kepada syarikat yang menjalankan aktiviti seperti yang dinyatakan di para B.

2. Agensi Perunding yang telah diiktiraf oleh AELB boleh memberi perkhidmatan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) kepada syarikat lain bagi mengambil alih tugas-tugas PPS syarikat tersebut sebagaimana yang dalam peruntukan Sub-peraturan 16(2), Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U.(A)46] yang menyatakan pemegang lesen boleh mengambil kerja seorang pakar yang berkelayakan sebagaimana diluluskan oleh Lembaga untuk menjalankan kewajipan seorang PPS.

3. Dokumen ini adalah tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa.

B. AKTIVITI LESEN

4. Untuk tujuan panduan ini, aktiviti lesen yang dibenarkan diberi khidmat perundingan adalah seperti berikut:
 - a. Kategori 2 - Radiografi Industri
 - b. Kategori 3 - Tolok, Penjualan, Pusat Penyelidikan dan Mineral

C. SYARAT-SYARAT AM UNTUK PERMOHONAN LESEN KELAS H BAGI MENJADI AGENSI PERUNDING PERLINDUNGAN SINARAN

5. Berikut adalah syarat am yang perlu dipenuhi oleh sesebuah syarikat yang ingin memohon untuk mendapatkan lesen kelas H sebagai Syarikat Agensi Perunding Perlindungan Sinaran bagi aktiviti seperti yang dinyatakan di para B:

- a. Sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya dua orang Pengendali Perunding Perlindungan Sinaran tetap yang diiktiraf oleh AELB untuk setiap lesen yang dipohon.
- c. Menyediakan alat pengawasan kakitangan untuk semua Pengendali Perundingnya.
- d. Mempunyai sekurang-kurangnya dua unit alat mengesan sinaran (survey meter).
- e. Mempunyai Program Perlindungan Sinaran yang diterima pakai oleh AELB untuk setiap lesen yang dipohon.

D. PERLANTIKAN PENGENDALI PERUNDING

6. Agensi Perunding dikehendaki melantik Pengendali Perunding yang akan diambil bekerja dan mengemukakan senarai nama kepada AELB dengan permohonan secara atas talian AELB di eLesen untuk mendapatkan pengiktirafan.

7. Pengendali perunding yang hendak dilantik oleh syarikat mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Telah diiktiraf sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) oleh AELB untuk kategori aktiviti yang akan dipohon.
- b. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai PPS/Penyelia (PY)¹ dengan mana-mana syarikat yang berlesen dengan AELB.

- c. Memenuhi kelayakan lain sebagaimana yang ditetapkan di dalam LEM/TEK/40¹ (Pengiktirafan dan Tugas Pengendali Perunding) serta segala pindaan yang berkaitan.

E. PERMOHONAN

8. Mana-mana orang yang ingin memohon untuk lesen kelas H sebagai Agensi Perunding Perlindungan Sinaran² perlulah mengemukakan permohonan secara atas talian AELB di eLesen.
9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemegang lesen boleh berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800 Dengkil, Selangor.
No. Tel: +603-89225888
No. Faks: +603-89223685
E-mel: mnr-customer@aelb.gov.my
Laman web: www.aelb.gov.my

¹Sila rujuk **LEM/TEK/40** serta segala pindaan yang berkaitan - Pengiktirafan dan Tugas Pengendali Perunding

²Sila rujuk **LEM/TEK/1** serta segala pindaan yang berkaitan - Panduan Umum Bagi Mendapatkan Lesen Daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom